

30 JUN 2001

UM-Zainal

POLIS DAN JABATAN KIMIA SIASAT KEBAKARAN DTC

KOTA BAHARU, 30 Jun (Bernama) -- Polis akan membuat penyiasatan menyeluruh kejadian kebakaran Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya, awal pagi semalam yang disyaki perbuatan khianat, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin.

Beliau berkata siasatan berkenaan untuk memastikan mereka yang benar-benar terbabit melakukan kesalahan itu, dibawa ke muka pengadilan.

"Kita perlu buat kajian dan kita mesti ada pemerhatian dalam meneka dan membuat tuduhan siapa yang melakukan ini semua, supaya yang melakukan dapat didakwa," katanya ketika ditemui selepas merasmikan penutup Perhimpunan Agung Tahunan Pemadam Kebangsaan ke-26 di sini hari ini.

Zainal Abidin berkata demikian ketika diminta mengulas kemusnahan DTC dalam kebakaran yang disyaki perbuatan khianat, pada awal pagi semalam.

DTC bakal digunakan untuk "Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru" selama dua hari bermula hari ini. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menutup rasmi simposium itu esok.

"Saya tidak tahu kenapa perkara begini terjadi adakah kerana simposium yang hendak diadakan itu?". Apapun katanya, kejadian itu adalah suatu yang memilukan.

Zainal Abidin berkata polis akan bekerjasama dengan Jabatan Kimia bagi mengesan punca kebakaran.

Beliau percaya dengan kepakaran pihak berkuasa, mereka yang terbabit dalam kejadian itu akan dapat ditahan dan didakwa secepat mungkin.

Beliau berkata peristiwa seperti itu tidak seharusnya berlaku jika semua pihak mengambil kira kepentingan awam kerana dewan yang penuh nostalgia itu diguna oleh pelajar.

-- BERNAMA

MNR BD RON